

JPS atasi masalah hakisan

Wartawan Sinar Harian
7 Disember 2016



Aizuddin (tengah, depan) ketika melawat lokasi projek pemuliharaan tebing sungai Endau di Kampung Pianggu, hari ini. - Foto Sinar Harian

ROMPIN – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Rompin memandang serius masalah hakisan tebing sungai Endau yang melibatkan beberapa kampung dengan mengambil langkah proaktif segera menyelesaikannya.

Jurutera JPS Rompin, Aizuddin Anuar berkata, sebanyak lima kampung terjejas dengan masalah itu menyebabkan tebing sungai berisiko berlaku hakisan namun kerja-kerja pemuliharaan dilakukan mengikut keutamaan.

Menurutnya, kerja-kerja pemuliharaan tebing itu dijangka akan siap dalam minggu ini dan berharap pemilik tanah berkenaan boleh menarik nafas lega apabila masalah hakisan yang diatasi itu sekali gus mengelak keluasan tanah terus berkurangan.

“Tindakan proaktif JPS Rompin dan JPS Malaysia ini diambil adalah respons terhadap laporan akhbar Sinar Harian sebelum ini yang memaparkan kebimbangan penduduk ke atas masalah hakisan tebing di kampung mereka.

“Secara kasarnya lima kampung yang terlibat termasuk Kampung Pianggu dan beberapa lokasi hakisan telah dikenal pasti namun ia dipilih dengan mengambil kira keseriusan hakisan sungai dan impak kepada ekonomi setempat,” katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata demikian ketika ditemui ketika membuat pemantauan di lokasi kerja pemuliharaan tebing di Kampung Pianggu, semalam yang turut dihadiri Penghulu Mukim Endau, Mohd Zulkifli Muda.

Sinar Harian 1 Jun lalu melaporkan penduduk di beberapa buah kampung di sepanjang sungai Endau, di sini, menzahirkan kebimbangan apabila masalah hakisan tebing yang berlaku sejak 30 tahun lalu masih belum selesai hingga menyebabkan tanah mereka hilang ditelan sungai.

Aizuddin berkata, pihaknya bercadang meneruskan projek-projek seumpama itu di kampung-kampung lain pada masa hadapan bergantung kepada keperluan dan tahap kerosakan serta kerugian akibat hakisan yang berlaku.

Sementara itu, pemilik tanah, Nawawi Abdullah, 62, yang ditemui menzahirkan syukur atas tindakan yang diambil JPS Rompin dan berharap masalah hakisan itu dapat diselesaikan setelah projek pemuliharaan tebing dilakukan.

“Banyak tanah saya yang terhakis dan masuk ke dalam sungai, jadi projek sebegini sangat dialukan. Jika boleh diteruskan lagi kerana banyak tanah-tanah penduduk lain yang turut mengalami masalah sama,” katanya.